



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - Projek Bandar Malaysia Dapat Sambutan

Berita Harian - Projek Bandar Malaysia Dapat Sambutan

🕒 Khamis, Jul 06 2017



Projek Bandar Malaysia dapat sambutan



RFP itu ditawarkan kepada pihak yang berminat untuk membida sebagai pemaju induk projek berkenaan”

Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

➔ Permohonan cadangan dikeluarkan secara rasmi semalam

Kementerian Kewangan (MoF) setakat ini menerima sambutan positif terhadap permohonan cadangan (RFP) bagi Projek Bandar Malaysia yang dikeluarkan secara rasmi semalam.

RFP itu ditawarkan kepada pihak yang berminat untuk membida sebagai pemaju induk projek berkenaan, kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Bercakap kepada pemberita di luar Persidangan Serantau RHB

Banking Group ‘One Belt, One Road, One Asia’ di Kuala Lumpur semalam, beliau yang juga Pengurus TRX City Sdn Bhd dan Bandar Malaysia Sdn Bhd berkata, kriteria dan syarat baharu yang akan ditetapkan bagi penyertaan dalam RFP itu menumpukan aspek seperti pengalaman syarikat serta berada dalam senarai Fortune 500.

Ditanya sama ada pemaju induk itu diwajibkan berstatus sebuah syarikat antarabangsa,

beliau berkata RFP itu dibuka kepada semua syarikat yang menepati kriteria ditetapkan.

Kawasan seluas 196.7 hektar Bandar Malaysia yang terletak di Sungai Besi, meliputi kawasan seluas 196.7 hektar dan lima kali lebih besar daripada saiz Kuala Lumpur City Centre beserta tamannya.

Sementara itu, Mohd Irwan yang turut menyampaikan ucapan tama di persidangan itu menyifatkan inisiatif Satu Jajaran dan Laluan China itu akan memberi manfaat menang-menang kepada kedua-dua buah negara.

“Kita perlu merebut peluang itu kerana memerlukan dana selain ditawarkan pada kadar lebih rendah dengan tempoh pembayaran semula yang lebih panjang.

“Kita juga akan mendapat faedah dari segi projek infrastruktur yang boleh memacu pertumbuhan,” katanya. **BERNAMA**

BH 6/7



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

